



TEKS AMANAT

YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,

KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA

WACANA EKSEKUTIF MAQASID SYARIAH

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT

29 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

DEWAN PERDANA NUR, KPWKM

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh, Selamat Pagi, dan Salam Sejahtera.

SALUTASI

YBhg. Datuk Haji Mohamad Nordin bin Ibrahim
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik),
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
Ketua-ketua agensi;

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian serta

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat menjayakan Wacana Eksekutif Maqasid Syariah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Majlis pagi ini membuktikan keprihatinan dan sokongan padu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi menyokong usaha Kerajaan untuk melaksana dan mengaplikasikan pendekatan Maqasid Syariah dan Indeks Syariah Malaysia dalam pentadbiran negara. Majlis ini juga diharap telah dapat meningkatkan lagi kefahaman kita terhadap Prinsip Maqasid Syariah dan Indeks Syariah Malaysia serta seterusnya melaksanakan prinsip ini di dalam konteks Kementerian khususnya.

MAQASID SYARIAH: DEFINISI DAN PRINSIP UMUM

Hadirin yang dihormati sekalian,

DAPATAN KAJIAN INDEKS SYARIAH MALAYSIA: BIDANG SOSIAL

2. Kajian Indeks Syariah Malaysia telah dijalankan 2 tahun sekali membabitkan lapan (8) bidang iaitu pendidikan, ekonomi, politik, kesihatan, perundangan, prasarana & persekitaran, sosial dan budaya. Kementerian ini secara langsung terlibat dalam bidang Sosial kerana salah satu dasar utama yang dikaji dalam bidang sosial ialah Dasar Sosial Negara.
3. Pada tahun 2015, skor keseluruhan kajian Indeks Syariah Malaysia ialah 75.42 peratus dan bidang sosial secara khusus telah mendapat skor 68.25 peratus. Pada tahun 2017, skor keseluruhan kajian Indeks Syariah Malaysia telah meningkat sedikit menjadi 76.06 peratus. Bidang sosial secara khusus

pula telah mencatatkan skor 72.28 peratus iaitu peningkatan 4.03 peratus berbanding skor sosial pada tahun 2015.

4. Kajian indeks syariah bagi bidang sosial ini telah melibatkan seramai 3,333 orang responden secara keseluruhan dan dibahagikan kepada:

- (i) 225 orang pembuat dasar termasuk 15 orang bukan islam;
- (ii) 779 orang pelaksana dasar termasuk 30 orang bukan islam; dan
- (iii) 2,329 orang penerima dasar (masyarakat) termasuk 89 orang bukan islam.

5. Agensi-agensi yang terlibat ialah :

- (i) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);
- (ii) Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM);
- (iii) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN);
- (iv) Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), JPM; dan
- (v) Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM

USAHA KPWKM DI DALAM PEMBUDAYAAN PRINSIP MAQASID SYARIAH

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kita perlu meneruskan usaha untuk memelihara lima (5) prinsip sejagat Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kepentingan semua. Walaupun pelaksanaannya masih baru, tetapi saya yakin prinsip-prinsip Maqasid Syariah ini mampu menjadi pemandu arah untuk kita terus bergerak ke hadapan membina sebuah masyarakat yang maju dan sejahtera.

7. Saya amat berharap agar setiap jabatan dan agensi di bawah kementerian ini segera mengambil inisiatif untuk membudayakan prinsip Maqasid Syariah dengan mengadakan program-program penjelasan agar semua peringkat kakitangan dapat memahaminya dengan lebih jelas.
8. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak JAKIM kerana tanpa jemu terus giat melaksanakan pelbagai usaha untuk memberikan maklumat dan kefahaman kepada seluruh masyarakat dalam memahami prinsip Maqasid Syariah dan Indeks Syariah Malaysia.

PENUTUP

9. Akhir bicara, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Urus Setia Wacana Eksekutif Maqasid Syariah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta kepada semua pihak yang berganding bahu memberikan kerjasama dan komitmen padu dalam menjayakan majlis ini.
10. Terima kasih juga kepada semua yang hadir dan menyokong majlis kita pada pagi ini. Semoga matlamat kita untuk menjadikan Maqasid Syariah sebagai *Standard of Practice* dalam urus tadbir negara dan memastikan pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia difahami dengan jelas oleh semua peringkat pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat akan tercapai.
11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini menutup Wacana Eksekutif Maqasid Syariah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sekian, Terima Kasih.